

TUTUR KATA PENULIS

Ketidakperkasaan suatu masyarakat merupakan salah satu faktor punca wujudnya kemiskinan yang menjadi penghindar pembangunan daerah. Oleh itu, kemiskinan harus dihilangkan dengan usaha pemerksaan masyarakat dengan mem-berikan peluang kepada masyarakat miskin mengembangkan kemahuan dan potensi yang dimilikinya. Salah satu usaha yang dilakukan untuk pemerksaan masyarakat oleh Pemerintah Bandar Pekanbaru Propinsi Riau ialah dalam program pembangunan desa/kelurahan melalui Usaha Ekonomi Kelurahan–Simpan Pinjam (UEK–SP). Program pemerksaan masyarakat ini dilakukan dengan cara memberikan bantuan kewangan sebagai modal usaha, memberikan bantuan pengurusan dalam mengelola usaha dan memberikan bantuan kemahiran pengerusian usaha, dengan tujuan utamanya ialah supaya masyarakat boleh berjaya dalam menjalankan usahanya, memiliki kemajuan secara ekonomi dan dapat keluar dari jurang kemiskinan.

Pelaksanaan program pemerksaan masyarakat yang dijalankan ini diharapkan akan memberi impak positif dalam upaya membanteras kemiskinan di Bandar Pekanbaru. Sebab dengan adanya pemerksaan masyarakat miskin yang dilakukan, pemerintah akan berusaha mengembangkan potensi dan kemampuan yang dimiliki oleh masyarakat sebagai tunjang keatas oleh masyarakat dapat



dimajukan selari dengan arahan yang diberikan, tentunya akan memberikan kekuatan ekonomi baru untuk masyarakat untuk keluar dari kemiskinan. Oleh kerana itu, pembangunan masyarakat yang berteraskan pemerksaan akan memberikan nilai positif kepada setiap masyarakat apabila mampu mengembangkan potensinya. Untuk itu, komponen utama dalam melakukan pemerksaan masyarakat ialah potensi dan kemampuan yang dimiliki oleh masyarakat itu sendiri. Sehingga dengan memiliki potensi yang dikembangkan, diharapkan masyarakat dapat mengurangi ketidakperksaannya dan keluar dari kemiskinan.

Kira-kira 16.5% dari jumlah keseluruhan penduduk di Bandar Pekanbaru pada 2010 (905,612 orang) dikategorikan sebagai penduduk miskin. Sebagai langkah membasmi penduduk miskin berkenaan satu program pemerksaan penduduk miskin di Bandar Pekanbaru, Propinsi Riau telah dilaksanakan oleh pemerintah Bandar Pekanbaru sejak lebih kurang sepuluh tahun yang lepas. Namun langkah tersebut dilihat belum memberikan impak yang berkesan, sehingga belum berjaya menghilangkan ataupun mengurangi angka kemiskinan masyarakat. Kajian ini adalah bertujuan mengenal pasti pelaksanaan program pemerksaan masyarakat miskin di Bandar Pekanbaru dengan mengenal pasi langkah-langkah pemerksaan masyarakat miskin melalui Usaha Ekonomi Kelurahan Simpan Pinjam (UEK-SP); menganalisis kemajuan program pemerksaan masyarakat miskin yang telah dilaksanakan serta mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang menjadi punca kepada ketidakberkesanan program pemerksaan tersebut.

Kajian ini dilaksanakan dengan melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan di Propinsi Riau, antara lain ketua program, pegawai, penduduk miskin, pengerusi kampung dan pengerusi bandar sebagai responden untuk mendapatkan maklumat. Sejumlah 1,440 responden telah dilibatkan dalam kaji selidik yang dilakukan. Maklumat yang diperolehi dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif dengan metod triangulasi. Hasil kajian mendapati enam model hasil program pemerksaan melalui skim UEK-SP terbabit iaitu; lebih kurang 5.0% pengguna skim dapat membayar semula pinjaman dan usaha yang dilakukan memperoleh kejayaan; 20.0% pengguna skim dapat membayar semula pinjaman tetapi usaha yang dilakukan tidak berjaya; lebih kurang an tetapi usaha yang



dilakukan bankrap; lebih kurang 10.0% pengguna skim tidak dapat membayar semula pinjaman tetapi usaha yang dilakukan memperoleh kejayaan; 20.0% pengguna skim tidak dapat membayar semula pinjaman dan usaha yang dilakukan tidak berjaya; dan lebih kurang 25.0% pengguna skim tidak dapat membayar semula pinjaman dan usaha yang dilakukan mengalami bankrap. Hasil kajian ini juga telah mengenal pasti bahawa punca ketidakberkesanan pelaksanaan program pemerksaan masyarakat miskin di Bandar Pekanbaru adalah kurangnya kemahiran dan kemampuan daripada pengguna skim sedangkan pada pihak pengerusi didapati permasalahan kurangnya kemahiran sumber manusia dan lemahnya kepimpinan dari pengerusi program.

Pelaksanaan pemerksaan masyarakat miskin di Bandar Pekanbaru ini ditemukan beberapa faktor penghindar iaitu: faktor ketakutan (*fear*), faktorketidakselesaian (*role of clarity*), dan faktor kecenderungan menggunakan cara-cara yang sudah ada (*resistance to change*). Dari ketiga faktor tersebut diketahui bahawa faktor ketidakselesaian (*role of clarity*) merupakan faktor yang paling menghambat proses pemerksaan masyarakat. Perkara ini wujud kerana pihak pemerksa memaksakan cara-cara baru dalam pemerksaan yang tidak sesuai dengan kondisi usaha yang sedang dijalankan oleh masyarakat.

Syukur ke hadirat Allah SWT kerana berkat limpahan rahmat, kurnia dan hidayah-Nya, telah pula memberi kesabaran dan semangat untuk saya menerbitkan buku ini. Buku ini pada dasarnya bermula dari hasil penyelidikan saya yang panjang dan berliku untuk dikemukakan sebagai persyaratannya dalam memperoleh gelar Doktor (S3) di Universitas Kebangsaan Malaysia. Karena itu, pada kesempatan mulia ini izinkan saya mengucapkan penghargaan atas sokongan berbagai pihak.

Pertama sekali, ucapan beribu-ribu terima kasih dihulurkan kepada Prof. Dr. Datuk. Jamaluddin. Md. Jahi yang telah memberi tunjuk ajar yang sangat besar, nasihat dan teguran sepanjang kajian dijalankan. Tanpa penyeliaan dan bimbingan yang mantap, penulisan tesis ini tidak mungkin dapat disempurnakan dengan jayanya.

Terima kasih pula diucapkan kepada semua kaki tangan ATMA, pusat penelitian cewazah I Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menyokong



kajian dan membenarkan segala kemudahan sepanjang tempoh pengajian yang telah saya gunakan dalam penulisan tesis ini. Terima kasih pula saya sampaikan kepada Prof. Dr. Ir. H. Aras Mulyadi. DEA. selaku Rektor Universiti Riau, Drs. Syafri Harto. M.Si. selaku Dekan Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universiti Riau yang telah memberi kemudahan kepada saya untuk melanjutkan pendidikan pada peringkat Doktor Falsafah.

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Gubernur Riau Dr. H. Rusli Zainal. SE. MP. Walikota Pekanbaru H. Firdaus. ST. MT yang telah banyak memberi data dan maklumat penting dalam penulisan tesis dan membantu saya dalam penyediaan data kajian. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Drs. H. Syamsuar. M.Si, selaku Bupati Siak Sri Indrapura dan Muslim. S.Sos. M.Si, selaku Ketua DPRD Kabupaten Kuantan Singingi yang turut memberikan sokongan kewangan dalam penyelidikan tesis saya ini.

Teristimewa kepada Haji Sidi Rusli (Ayah), Hajjah Karani (Ibu), Hajjah Sumarni Jall (Isteri), Haji Ringgo Eldapi Yozani. S.Ikom. M.Ikom (Anak), Hajjah Ns. Rona Etika Yana. S.Kep (Anak), Haji Riyanda Elsera Yozani (Anak) serta abang-abang dan adik-adik yang telah memberi dorongan semangat kepada saya dalam mengatasi segala kesukaran sepanjang tempoh pengajian. Kesabaran kalian semua mendoakan kejayaan amat disanjung dan dihargai.

Akhir kata kepada semua pihak yang telah banyak berjasa dalam penulisan tesis ini. Semoga tesis ini boleh diterima sebagai satu sumbangan dalam membina ketamadunan manusia dan boleh dimanfaatkan bersama-sama.

Pekanbaru, November 2014

Penulis

KANDUNGAN ISI

TUTUR KATA PENULIS	5
KANDUNGAN ISI.....	9
BABI PENDAHULUAN	13
BAB II KEMISKINAN DAN PEMERKASAAN	31
BAB III KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN	103
BAB IV KEBIJAKAN PEMERKASAAN MASYARAKAT .	123
BAB V PERKEMBANGAN PEMERKASAAN MASYARAKAT	205
BAB VI FAKTOR - FAKTOR PENGHINDAR	
PEMERKASAAN MASYARAKAT	219
BAB VII PENUTUP	233
RUJUKAN	237
BIODATA PENULIS	241





Repository University Of Riau

PERPUSTAKAAN UNIVERSITAS RIAU

<http://repository.unri.ac.id/>